# PENJARA BARU $18 JUTA TAHUN HADAPAN

Berita Harian, 19 September 1967, Page 3

Article also available on Microfilm Reel NL5231

Add to Citation

Previous Article Next Article Previous Page Next Page

# PENJARA BARU $18 JUTA TAHUN HADAPAN

KUALA LUMPUR, Ithnin.—Kerja untok membena penjara baru yang berharga kira2 $8 juta akan di-mulakan pada tahun depan.

Penjara baru itu akan di-bena di-Kajang kira2 15 batu dari sini, dalam sa-buah kawasan sa-luas 202 ekar, demikian sa-orang jurucha-kap Kementerian Dalam Negeri menyatakan hari ini.

Juruchakap itu menambah bahawa tanah untok membena penjara baru itu telah di-beli dari Kerajaan Selangor berharga lebeh $30,000.

Sa-lain dari membena penjara, rumah2 untok pegawai dan kakitangan, padang permainan dan sekolah latehan warder akan juga di-bena.

Pengumuman untok membena penjara baru ini telah di-buat oleh, Inche Abdul Rahman Yaakob, di-Dewan Ra'ayat dalam bulan February tahun ini.

Menurut-nya, penjara baru itu di-jangka siap dalam masa tiga tahun.

Penjara yang ada sekarang di-Jalan Pudu telah berumor leben 70 tahun, bangunan itu di-bena dalam sa-buah kawasan yang luas-nya 37 ekar.

Information



Newspaper:
Berita Harian

Date:
19 September 1967

Reel Number:
NL5231

Scroll to Top

Share

Table of Contents

< Previous Page 3 Next >

Kapalterbang Amerika di-jatohkan di-China
Kapalterbang Amerika di-jatohkan di-China SASARAN DI-VIETNAM UTARA TUJOH BATU SAJA DARI

Hungary kecham Rumania kerana 'neutral'
Hungary kecham Rumania kerana 'neutral' Reuter \IOSCOW, Ithnin. Ketua Partai Komunis Hungary, Tuan

Pelabohan bebas Sabang di-ulangi
Pelabohan bebas Sabang di-ulangi U.P.I. JAKARTA.

View Full Table of Contents

Sementara itu kerja membaiki penjara Pudu sedang di-jalankan sekarang.

Pagar2 berduri telah mula di-pasang di-atas tembok penjara itu yang tinggi-nya kira2 15 kaki.

## Related Articles

No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ

Report Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29